

## CITRA WANITA MELAYU DALAM CERITA ANIMASI KANAK-KANAK *UPIN DAN IPIN*

Noor Aida Mahmor

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,  
UUM College of Arts and Sciences  
Universiti Utara Malaysia  
nooraida@uum.edu.my

Nasihah Hashim

Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden,  
UUM College of Arts and Sciences  
Universiti Utara Malaysia  
h.nasihah@uum.edu.my

---

### ABSTRAK

Perkembangan sastera kanak-kanak Malaysia memperlihatkan pertumbuhan yang memberangsangkan cerita animasi kanak-kanak berbahasa Melayu di televisyen. Cerita-cerita ini telah mendapat tempat di hati masyarakat Malaysia terutamanya kanak-kanak. Tambahan pula, setiap hari cerita-cerita ini disiarkan di kaca televisyen dan waktu siarannya juga bersesuaian dengan masa tontonan kanak-kanak. Antara saluran yang menyiarkan karya ini adalah TV3, TV9, Astro Ceria dan Disney Channel. Cerita-cerita ini digarap berlatar belakangkan masyarakat Malaysia dan membawa mesej-mesej tertentu tentang cara hidup masyarakat Malaysia termasuklah imej dan perwatakan wanita Melayu. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan membincangkan tentang citra wanita Melayu dalam cerita animasi kanak-kanak popular Malaysia. Kajian ini akan membincangkan bagaimana watak wanita dicerminkan dan seterusnya ditanam ke dalam minda kanak-kanak. Kajian ini melibatkan analisis cerita animasi popular yang ditayangkan di televisyen, iaitu *Upin dan Ipin*. Kajian ini menggunakan pendekatan Feminisme sebagai pendekatan kajian. Pendekatan Feminisme menyatakan bahawa kebanyakan pengkarya lelaki menggambarkan wanita sebagai rendah diri, pasif, menyerah kepada takdir, dan tidak mempunyai masa depan. Walau bagaimanapun, dapatan kajian menunjukkan, imej wanita dalam cerita animasi ini adalah positif. Wanita ditonjolkan sebagai wanita yang berpegang kepada agama dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: *Upin dan Ipin*, citra wanita, feminisme, nilai Islam, emansipasi wanita

---

### 1.0 Pengenalan

Penyataan Bathsua Makin 'Let women be fools, you will make them slaves' memberi gambaran jelas tentang kedudukan wanita dalam masyarakat yang dianggap sebagai kaum yang lemah. Walters (2005) menyatakan seringkali wanita diberi gambaran yang negatif dalam karya-karya sastera untuk menunjukkan perspektif dan dominasi kaum lelaki terhadap wanita. Kedudukan dan hak wanita dalam masyarakat juga seringkali menjadi isu dalam perbincangan dan perbahasan. Maka, persoalan yang timbul ialah apakah bentuk citra wanita yang dicerminkan dalam sastera kanak-kanak tempatan dan apakah imej wanita seperti yang dinyatakan di atas selari dengan pegangan Islam dan boleh diterima pakai dalam masyarakat Malaysia terutama masyarakat Melayu Islam? Sehubungan itu, kertas kerja ini akan mengupas citra wanita dalam siri animasi *Upin dan Ipin*.

Cerita animasi mula diperkenalkan di Malaysia pada sekitar tahun 1990-an. Cerita animasi pertama di Malaysia ialah *Usop Sontorian* (1995) dan *Silat Lagenda* (1998). Berikutan ini, produksi karya animasi semakin berkembang dan banyak siri televisyen, filem dan telefilem yang berkaitan animasi dihasilkan. Menurut Hassan (2007), perkembangan ini merupakan perkembangan yang memberangsangkan dalam kalangan negara ASEAN kerana Malaysia tidak mempunyai studio yang besar dan kukuh berbanding dengan Filipina, Thailand, Vietnam dan Indonesia. Di Malaysia, sektor animasi mempunyai potensi yang sangat besar dalam mengembangkan ekonomi negara. Kini dianggarkan lebih daripada 200 buah syarikat yang disenaraikan di bawah industri kandungan multimedia kreatif MSC Malaysia (Bernama, 8 Disember 2009). *Upin dan Ipin* merupakan contoh terbaik untuk kejayaan cerita animasi dan telah mencetus satu fenomena baru dalam sastera kontemporari kanak-kanak Malaysia.

*Upin dan Ipin* adalah siri animasi kanak-kanak yang dicipta oleh Hj. Burhanudin Radzi, Hj. Ainon Arif, Mohd Nizam Abdul Razak dan Mohd Safwan Abdul Karim. Animasi ini mula ditayangkan pada 14 September 2007 oleh Les' Copaque Production Sdn. Bhd. yang memaparkan tentang kehidupan dan pengembaraan dua orang kanak-kanak kembar yang berusia 5 tahun, iaitu *Upin* dan *Ipin* yang tinggal dalam masyarakat kampung di Malaysia. Animasi ini berkisarkan tentang kehidupan seharian *Upin* dan *Ipin* dalam keluarga, sekolah dan masyarakat. Animasi ini turut menonjolkan kenakalan, kepolosan dan kecerdasan *Upin* dan *Ipin* dalam cara yang cukup lucu dan santai. Mesej diterapkan dengan gaya yang halus dan santun. Masalah dan konflik yang diketengahkan dalam siri *Upin dan Ipin* diselesaikan dengan kebijaksanaan watak-watak yang digarap oleh pengarang seperti watak Opah. Enam episod pertama *Upin dan Ipin* memaparkan isu Ramadhan dan berpuasa bertujuan untuk mendidik kanak-kanak agar menghayati dan melaksanakan Ramadhan dan episod-episod seterusnya memaparkan tentang kehidupan watak *Upin* dan *Ipin* bersama keluarga dan kawan-kawan seharian. Secara keseluruhan terdapat 9 musim yang mengandungi 228 episod.

Antara episod-episod musim pertama *Upin dan Ipin* ialah *Esok Puasa* (2007), *Dugaan* (2007), *Nikmat* (2007), *Terawih* (2007), *Esok Raya* (2007), *Hari Raya* (2007).

Musim pertama *Upin dan Ipin* telah menerima anugerah Animasi Terbaik KLIFF 2007. Musim kedua pula dilaporkan mempunyai penonton seramai 1.5 juta di TV9 dan ini menjadikan karya animasi ini sebagai karya animasi kedua yang paling banyak ditonton di televisyen Malaysia mengekori *Doraemon* (1.6 juta) dan di hadapan *Spongebob Squarepants* (800 ribu). Sementara filem *Geng: The Adventure Begins* (2009) yang menentang watak Upin dan Ipin menjana keuntungan sebanyak RM6.31 million menjadikan filem ini salah satu filem berbahasa Melayu yang berjaya. Pada Disember 2010, francais *Upin dan Ipin* dilaporkan mengumpul pendapatan sebanyak RM12 juta, kebanyakannya hasil penjualan siri *Upin dan Ipin* kepada penyiar antarabangsa. Atas kejayaan menambat hati penonton serantau, *Upin dan Ipin* telah disenaraikan dalam *Malaysia Book of Records 2011*. Selain daripada itu, *Upin dan Ipin* turut menerima anugerah *Best on Screen Chemistry 2009* oleh *Shout* dan *Brand Leadership Award 2010* oleh *World Brand Congress India*. Watak Upin dan Ipin turut menjadi duta UNICEF Malaysia 2013. *Upin dan Ipin* turut menerima NEF-Awani Tun Dr. Mahathir Award 2010 dan Anugerah Bintang Popular Berita Harian 2012. Hasil kajian menurut *Facebook*, *Facebook* mengumumkan bahawa halaman *Upin dan Ipin* merupakan halaman watak cereka yang paling popular di *Facebook* seluruh dunia sepanjang 2011. Menurut *Google Zeitgeist*, pada 2012, *Upin dan Ipin* menjadi kata kunci carian paling kerap oleh pengguna *Google* Malaysia dalam kategori rancangan televisyen. Selain Malaysia, *Upin dan Ipin* juga ditayangkan di Indonesia, Filipina, Singapura, Turki, Brunei, Thailand, Vietnam, Kemboja, Hong Kong dan Korea Selatan melalui saluran *Disney Channel*. Selain disalurkan televisyen, episod-episod *Upin dan Ipin* juga boleh ditonton melalui DVD, khidmat penstriman video di akaun rasmi *Les' Copaque* di *You Tube* dan *tonton.com.my*. Watak-watak utama dalam animasi ini ialah Upin dan Ipin (kembar), Kak Ros adalah kakak kepada Upin dan Ipin. Beliau gemar mengusik adik-adiknya. Opah adalah nenek kepada adik-beradik tersebut. Selain itu, watak-watak lain yang turut ditonjolkan sebagai ahli komuniti Kampung Durian Runtuh ialah Tok Dalang yang turut dikenali sebagai Atok, Ah Ting, *Uncle Muthu*, Abang Salleh, Cikgu Jasmin, Cikgu Melati, Cikgu Besar, Abang *Tiger* (Cikgu *Tiger*) dan Abang Hamzah dan rakan sekelas Upin dan Ipin ialah Mei Mei, Fizi, Jarjit, Devi, Susanti, Dzul, Liat, Ehsan, Mail.

Bertitik tolak daripada keistimewaan dan kehebatan siri animasi *Upin dan Ipin* ini maka, ceirta animasi ini diambil sebagai bahan kajian. Sehubungan itu, kertas kerja ini dihasilkan oleh pengkaji bagi mengupas persoalan citra wanita yang terdapat dalam siri animasi tersebut. Kertas kerja ini membincangkan watak wanita Melayu yang dicerminkan untuk ditanam ke dalam minda kanak-kanak. Kajian ini dilaksanakan menggunakan pendekatan Feminisme. Objektif kajian ialah untuk mengenal pasti, memperlihatkan dan menganalisis citra wanita yang terdapat dalam karya animasi ini. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap siri *Upin dan Ipin* yang terpilih. Hasil kajian dibincangkan dengan melihat kepada gambaran-gambaran perwatakan wanita dalam karya terbabit.

## 2.0 Sorotan karya

Terdapat banyak kajian yang dijalankan tentang karya animasi *Upin dan Ipin*. Antaranya ialah kajian tentang identiti bahasa dalam 'The Language Identities of Malaysians as Portrayed in *Upin dan Ipin*' oleh Nur Salawati Mohd Nazir dan Hanita Hassan (2013). Terdapat juga kajian oleh Nurul Aina Salleh tentang 'Keberkesanan Penyampaian Mesej Bagi Rancangan Animasi *Upin dan Ipin* di kalangan Pelajar Program Teknologi Media Universiti Utara Malaysia' (2010) dan 'Aplikasi Grafik dalam Rancangan Animasi: Kajian Terhadap Rancangan Animasi *Upin dan Ipin*' (2010) oleh Hafiz Hassan. Kertas kerja 'Penerapan Nilai-Nilai Islam Melalui Penggunaan Media dalam Pendidikan' (2009) yang dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam mendapati bahawa media mempunyai potensi untuk menerapkan nilai melalui konsep didik dan hiburan. Kertas kerja tersebut turut mendapati kebanyakan responden memilih Ipin sebagai watak kegemaran mereka. Watak-watak yang terkandung dalam siri *Upin dan Ipin* menjadi ikutan responden. Kajian terhadap animasi *Upin dan Ipin* juga dilakukan di Indonesia. Antaranya 'Analisis semiotik filem *Upin dan Ipin*' oleh Ahmad Bayhaki (2009). Ahmad Bayhaki menggunakan metod analisis semiotik John Fiske dan hasil kajiannya mendapati bahawa animasi *Upin dan Ipin* lebih banyak menyajikan moral prososial atau mengandungi unsur dakwah dalam Islam dibandingkan dengan unsur moral anti sosial. Aspek-aspek ini dipaparkan dalam simbol-simbol serta tingkah laku watak menjalankan ibadah puasa, sahur, tarawikh serta ibadah-ibadah lain yang terdapat dalam bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri. Sa'ada Pueri Natasari (2009) juga mengkaji animasi *Upin dan Ipin* dalam kajiannya berjudul 'Respon Murid SDI Al-Bayan Larangan Indah Tangerang Terhadap Video Animasi *Upin dan Ipin*'. Kajian ini menulis tentang respon siswa SDI AL-Bayan terhadap video animasi. Kajian mendapati seluruh murid SDI AL-Bayan menyukai video animasi *Upin dan Ipin* atas alasan kerana watak utama yang lucu dan ceritanya yang menarik. Kajian oleh Maspupah (2011) meneliti 'Pengaruh Tayangan Kartun Animasi *Upin dan Ipin* di Media Nusanantara Citra Televisi Terhadap Penggunaan Kosa Kata Murid Raudhatul Athfal Al-Bariyyah keramat Jati Jakarta Timur'. Hasil kajiannya mendapati murid Raudhatul Athfal Al-Bariyyah dalam perbualan sehariannya menggunakan kata 'cikgu' untuk memanggil guru disekolah. Selain itu, kosa kata yang digunakan oleh watak-watak dalam *Upin dan Ipin* seperti 'guru besar', 'nasi lemak', 'sedap', 'kasut', 'dusun', 'basikal', 'datuk', 'budak', 'surau', 'gaduh', 'tengok', 'seronok', dan 'gula-gula'. Kebanyakan kajian-kajian di atas menyentuh pelbagai aspek dalam *Upin dan Ipin* terutamanya media, grafik, semiotik, nilai murni, penerimaan penonton, budaya dan bahasa terhadap animasi *Upin dan Ipin*. Memandangkan animasi ini sangat popular dalam kalangan penonton terutama kanak-kanak, maka, perlu ada kajian tentang perwatakan wanita Melayu dalam animasi *Upin dan Ipin*. Watak wanita seharusnya diberi perhatian kerana mereka merupakan orang yang paling dekat dengan kanak-kanak samaada sebagai ibu, nenek, guru, kakak mahupun sahabat dan mereka ini memainkan peranan penting dalam perkembangan pengetahuan, pendidikan dan emosi kanak-kanak.

Watak wanita telah lama wujud dalam sastera Melayu. Namun, kebanyakan watak-watak wanita dalam filem dan novel sering diberi gambaran yang negatif. Sebagai contoh, sesetengah watak-watak wanita dalam novel sastera Melayu wangi yang telah

difilemkan seperti *Kasih Yang Suci* (2012), *Suamiku Encik Sotong* (2010), *Coke & Sundae* (2010) menggambarkan watak-watak wanita Melayu yang telah dipengaruhi oleh fahaman barat dari aspek pakaian, tingkah laku dan tutur kata, pergaulan serta rendah pegangan agamanya. Hubungan kekeluargaan dan sesama manusia digambarkan semakin merosot. Selain itu, karya-karya ini juga memaparkan wanita sebagai penggoda. Watak Salmy dalam *Eksperimen Cinta* (2013) adalah seorang wanita cantik dan seksi yang menggoda Tengku Aaron Shah untuk mendapatkan cinta dan harta beliau. Watak Maya dalam novel *Rindu Awak 200%* (2013) juga dipaparkan sebagai wanita gedik yang berusaha menambat hati lelaki demi kepentingan diri sendiri. Watak-watak sebegini memberi tanggapan negatif terhadap citra wanita. Rosnah Baharudin (2000) menyatakan masyarakat Melayu telah mempunyai persepsi tentang wanita Melayu, iaitu sentiasa berada di rumah untuk membantu ibu mengurus rumahtangga dan menjaga adik-adik dengan anggapan bahawa wanita mempunyai fizikal yang lemah dan lebih sesuai berada di dalam rumah dan sebagai latihan untuk mengurus rumah tangga sendiri kelak. Ideologi ini telah tertanam dalam masyarakat Melayu sekian lama. Rosnah turut berpendapat bahawa perlukisan watak ini dipengaruhi oleh pengalaman dan dan pemikiran pengarangnya. Watak Puteh dalam animasi *Puteh* (2001) turut menggambarkan wanita domestik yang pasif, tidak berdaya, lemah dan senang dibuli. Watak Salina pula dalam novel A. Samad Said, *Salina*, menggambarkan wanita yang bekerja sebagai pelacur yang mempunyai pelbagai masalah dalam kehidupan.

Wanita juga seringkali dikaitkan dengan ilmu hitam (Walters, 2005). Imej boleh didapati dalam novel-novel kanak-kanak dan remaja seperti *Kembar Terpilih* (2009) oleh Meor Shariman menentang watak-watak perempuan remaja, Misha dan Marsha yang boleh berurusan dengan makhluk halus seperti toyol dan mereka juga boleh mencipta mantera-mantera baru. Watak Ursula dalam *The Little Mermaid* juga merupakan watak ahli sihir yang jahat. Walau bagaimanapun, terdapat juga paparan wanita yang lebih agresif tetapi wanita-wanita tersebut digambarkan secara ekstrim juga dikenali sebagai '*femme fatale*' dengan watak-watak jahat, kejam, pembuli, materialistik dan manipulatif seperti yang ditonjolkan oleh watak permaisuri dalam cerita '*Sleeping Beauty*', ibu tiri Cinderella, ibu kepada Bawang Putih dalam cerita '*Bawang Merah dan Bawang Putih*'. Manakala watak Merah dalam animasi *Puteh* adalah wanita yang kejam dan pembuli. Tambahan pula ibu kepada watak Merah juga digambarkan sebagai wanita jahat, manipulatif dan tamak harta.

Zaheril Zainuddin (2006) menyatakan filem/*moving picture*, iklan, cereka dan berita boleh memberi impak positif dan negatif kepada penonton terutama golongan remaja. Beliau turut menambah bahawa budaya yang dipaparkan dalam filem dan *moving picture* boleh memberi kesan dan pihak terlibat haruslah bertanggungjawab dalam memastikan para penonton mendapat impak positif dari filem yang dihasilkan. Shahril Anuar Abdul Ghani dalam (2006) pula menegaskan bahawa media bergambar membantu kanak-kanak untuk memahami isi kandungan sesuatu bacaan dan melalui komik, kanak-kanak akan lebih berasa gembira dan terhibur kerana disajikan dengan gambar-gambar yang menarik, ringkas dan mudah difahami. Beliau menambah bahawa media bergambar menjadi sumber maklumat yang dapat memberi kepuasan kepada kanak-kanak. Namun, watak-watak diketengahkan dalam animasi asing seperti *Doraemon*, *Spongebob Square Pants*, dan *Sin Chan* memaparkan watak-watak kanak-kanak lelaki dan perempuan yang jauh berbeza dengan budaya dan pegangan hidup masyarakat Melayu Islam. Watak Sin Chan dipaparkan sebagai seorang budak yang kurang sopan dari segi tingkah laku dan percakapan. Watak ibu Sin Chan pula menggambarkan wanita yang lemah, kelim kabut dan didominasi oleh anak. Animasi tempatan yang lain seperti *Keluarga Sidek* pula lebih tertumpu kepada peranan watak lelaki sebagai hero negara. Watak Keluang Man dalam animasi *Keluang Man* pula tertumpu kepada keupayaan watak lelaki dalam menyelamatkan manusia teraniaya dan dizalimi.

Persoalan-persoalan tentang wanita dalam sastera kanak-kanak menunjukkan betapa pentingnya untuk mengkaji citra wanita dalam sastera kanak-kanak kontemporari terutama dalam cerita animasi popular. Imej-imej wanita yang diketengahkan dalam sastera kanak-kanak juga boleh disifatkan sebagai berat sebelah iaitu watak wanita yang digambarkan secara negatif. Sehingga kini, belum ada kajian tentang cerminan wanita yang dijalankan dalam siri animasi kanak-kanak. Wanita dalam kajian ini termasuklah watak perempuan yang telah baligh. Oleh yang demikian, kajian ini dihasilkan untuk menjawab persoalan: (1) Apakah bentuk citra wanita Melayu dalam cerita animasi *Upin dan Ipin*?; dan (2) Apakah imej wanita seperti yang dinyatakan selari dengan pegangan Islam serta boleh diterima pakai dalam masyarakat Malaysia terutama masyarakat Melayu Islam?

Pengkaji berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk menghasilkan animasi yang mengandungi unsur-unsur Islam sesuai dengan tatacara hidup masyarakat Malaysia terutama masyarakat Melayu Islam yang boleh diketengahkan untuk dijadikan pedoman bagi kanak-kanak Melayu Islam seperti siri *Upin dan Ipin*. Pada masa yang sama, pengarang-pengarang perlu memberi perhatian terhadap pemerian watak-watak wanita Melayu yang patuh syariah kerana Islam merupakan pegangan dan rujukan dalam kehidupan seharian. Watak-watak wanita dalam siri animasi *Upin dan Ipin* sedikit sebanyak boleh dijadikan model kepada kanak-kanak dalam mempelajari ciri-ciri wanita muslimah bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu di Malaysia. Bandura (1997) menegaskan bahawa kanak-kanak mempelajari sesuatu perlakuan melalui proses pemerhatian dan peniruan. Piaget (1973) menegaskan minda kanak-kanak berkembang mengikut usia dan mereka belajar memahami orang lain. Ini kerana pada usia sebeginilah kanak-kanak memulakan proses sosialisasi dan amat memerlukan contoh yang boleh diikuti. Oleh yang demikian, kertas kerja ini ingin mengupas citra wanita dalam animasi *Upin dan Ipin* agar boleh dijadikan model dan motivasi kepada kanak-kanak.

## 2.1 UPIN DAN IPIN dan Sastera Kanak-kanak Malaysia

Sastera kanak-kanak secara amnya, berfungsi untuk membentuk pemikiran, moral dan peribadi kanak-kanak selain daripada usaha untuk mengembangkan imaginasi, kreativiti dan pengetahuan. Sastera kanak-kanak merangkumi semua jenis karya kreatif dan imaginatif yang dikhususkan untuk bacaan, hiburan dan penilaian kanak-kanak sama ada fiksyen dan bukan fiksyen (Hadijah Rahmat, 2006; Md Sidin Md Ishak, 2005). *Upin dan Ipin* merupakan salah satu karya sastera kanak-kanak yang dihasilkan khusus untuk tontonan kanak-kanak sehingga usia 13 tahun. *Upin dan Ipin* bukan sahaja menyajikan hiburan tetapi juga

mempunyai unsur didaktik.

Menurut Mutolingah (2011) cerita animasi *Upin dan Ipin* mempunyai beberapa kelebihan seperti tema yang sederhana, dilema yang banyak mempunyai unsur-unsur agama dalam percakapan dan disampaikan dengan seni yang tinggi dan ringan sesuai untuk pelbagai lapisan masyarakat, watak-watak mempunyai penampilan yang sopan dan penuh kelembutan yang mencerminkan kehidupan yang harmoni dan menyenangkan penonton, penyampaian pesan moral yang lucu dan bersahaja serta tidak berbelit-belit yang memudahkan penonton mencerna mesej dan maklumat yang diterima. Selain itu, *Upin dan Ipin* turut mengetengahkan peranan nenek sebagai orang tua/dewasa untuk sumber rujukan dan nasihat dalam mendidik anak-anak. Aspek kelebihan-kelebihan inilah yang menjadikan cerita animasi *Upin dan Ipin* sangat berharga dalam perkembangan dunia sastera kanak-kanak Malaysia kerana ia menjadi wadah dan corong penyaluran nilai-nilai tertentu kepada generasi muda melalui mesej dan pengajaran yang cuba disampaikan. *Upin dan Ipin* boleh menjadi teladan kepada kanak-kanak yang beragama Islam untuk mencontohi dan mengukuhkan sosialisasi dan kefahaman mereka terhadap agama itu sendiri dan seterusnya membentuk jati diri dan keperibadian serta emosi mereka.

## 2.2 Feminisme dalam karya sastera

Kritikan feminis menonjolkan penelitian sastera yang berdasarkan perspektif feminis. Moi (2002) berpendapat bahawa perspektif pengarang terhadap wanita turut menyumbang ke arah pembentukan perwatakan dan citra wanita dalam karya. Maka, kajian terhadap watak wanita dalam sastera atau karya kreatif boleh diteliti mengikut dua kategori, iaitu karya yang memfokuskan kepada wanita oleh penulis lelaki yang dikenali sebagai '*feminist critique*' oleh Kate Millet (1970) dan karya yang memfokuskan wanita dalam karya yang dihasilkan oleh penulis wanita atau dikenali sebagai ginokritik oleh Showalter (1989). Tokoh feminis Perancis, Julia Kristeva (dalam Toril Moi, 2002) pula berpendapat bahawa feminisme tidak bergantung kepada jantina biologi tetapi bergantung kepada pandangan seseorang. Kristeva menyenaraikan tiga peringkat perjuangan feminis: '*liberal feminism*', iaitu wanita menuntut hak sama rata; '*radical feminism*', iaitu wanita menolak '*male symbolic order*' atas dasar perbezaan dan menunjukkan wanita menyanjung sifat-sifat feminin; dan '*metaphysical feminism*', iaitu wanita menolak dikotomi maskulin dan feminin. Ketiga-tiga ini merupakan acuan barat dalam perjuangan feminisme.

Pendekatan Feminisme menyatakan bahawa kebanyakan pengkarya lelaki menggambarkan wanita sebagai rendah diri, pasif, reseptif (menyerah kepada takdir), dan tidak mempunyai masa depan (Walters, 2005; Mottier, 2008). Secara tidak langsung, perspektif ini dilihat sebagai satu mekanisme untuk membezakan sifat jantina lelaki dan wanita seterusnya menjadi satu projeksi oleh kaum lelaki dan juga satu mekanisme defensif mereka terhadap wanita. Malah hasil-hasil kajian lepas mendapati bahawa kebanyakan pengarang lelaki sering menampilkan watak-watak stereotaip iaitu wanita yang '*formless*' iaitu wanita yang tidak punya bentuk dan kuasa. Wanita juga ditonjolkan sebagai '*damsel in distress*' yang mempunyai ciri-ciri seperti pasif, lemah, beremosi dan tidak stabil, tidak rasional, terkongkong, domestik seperti yang ditonjolkan oleh watak-watak Bawang Merah, Cinderella, Rapunzel, Belle dan Snow White dalam cerita-cerita popular romantik klasik tempatan dan asing. '*The Second Sex*' (1949) oleh Simone De Beauvoir menegaskan bahawa wujudnya kecenderungan dalam penceritaan watak wanita terutama dari faktor biologi, kedudukan dan sosioekonomi. Beliau turut berpendapat bahawa wanita harus mematuhi tuntutan semula jadi mereka. Kewujudan wanita hanyalah semata-mata sebagai simbol seks dan kilang manusia (*a woman is nothing but womb*). Millet dalam bukunya '*Sexual Politics*' (1969) menjelaskan kedudukan wanita yang ditindas dalam masyarakat patriaki. Ini boleh dilihat dalam cerita kanak-kanak *The Lion King*. Hutan safari digarap sebagai masyarakat patriaki yang diketuai oleh Mufasa, singa jantan yang gagah. Singa-singa betina pula digambarkan sebagai wanita yang hanya berfungsi sebagai isteri, ibu yang bertanggungjawab menjaga rumahtangga dan melahirkan anak. Cerita ini juga menggambarkan sifat wanita yang pasif dan '*formless*' iaitu tidak mempunyai hak bersuara, tunduk kepada kuasa lelaki dan menurut perintah.

Dalam sejarah Melayu terdapat banyak penceritaan tentang wanita dalam kalangan keluarga diraja atau golongan bangsawan. Pembaca disogokkan dengan imej-imej wanita yang negatif. Dunia Melayu adalah dunia lelaki (Siti Hawa Haji Salleh, 2013). Wanita hanyalah dijadikan sebagai alat, gundik atau perempuan simpanan kepada sultan dan wanita akan hanya dihargai sebagai barang mainan, atau alat pemuas nafsu sahaja (Haryati Hassan, 2013). Selain itu, *Sejarah Melayu* turut menceritakan perihal wanita yang mengeratkan hubungan solidariti antara negara hasil daripada perkahwinan. Contohnya, Puteri Hang Li Po dari negara China dikahwinkan dengan Sultan Melaka atas sebab politik dan perluasan kuasa. Begitu juga dengan Puteri Jawa yang dikahwinkan dengan sultan Melaka di atas sebab yang sama. Justeru, wanita pada zaman itu berperanan sebagai hadiah dan alat kepentingan politik sama ada untuk mengiktiraf kuasa atau mengenang jasa seseorang. Dalam sastera lisan, sastera hikayat dan sastera panji, watak-watak seperti Raden Galuh Cendera Kirana dan Siti Zubaidah digambarkan terpaksa menyamar sebagai lelaki untuk bebas bergerak. Manakala, Tun Teja digambarkan sebagai seorang tunang yang tidak setia dan Tun Fatimah pula menjadi mangsa penindasan Sultan Mahmud. Terdapat banyak kajian tentang cerminan wanita dalam sastera Melayu seperti yang dijalankan oleh Ungku Maimunah Mohd Tahir, Siti Hawa Salleh, Siti Hajar Che Man, Rosnah Baharuddin, Siti Khairiah Mohd Zubir dan Haryati Hassan. Kajian-kajian tersebut merumuskan bahawa cerminan wanita dalam sastera Melayu boleh dikategorikan kepada dua aspek, iaitu fizikal dan jiwa. Aspek fizikal memberi gambaran tentang ciri-ciri luaran wanita seperti tubuh badan dan wajah serta tingkah laku. Manakala, aspek jiwa menjelaskan tentang ciri-ciri emosi dan spiritual wanita.

## 3.0 Dapatan kajian dan Perbincangan

Realiti dan karya sastera mempunyai hubungan sangat rapat. Ini kerana karya-karya sastera tidak wujud begitu saja melainkan terhasil daripada pengalaman hubungan sesama manusia. Ini akan memberi kesan kepada pemerian watak-watak dalam karya. Berikut adalah dapatan kajian dan perbincangan dikelaskan mengikut kategori objektif kajian iaitu: mengenalpasti watak-watak wanita utama dalam animasi *Upin dan Ipin* serta keperibadian mereka; memperlihatkan dan menganalisis ciri-ciri wanita Melayu

dan wanita Islam yang dipaparkan melalui watak-watak wanita utama dalam animasi tersebut.

### 3.1 Watak-watak utama wanita dalam *UPIN DAN IPIN*

Wanita memainkan peranan penting dalam jalinan plot *Upin dan Ipin*. Dalam animasi ini terdapat beberapa watak wanita yang signifikan. Watak Kak Ros merupakan kakak sulung kepada Upin dan Ipin. Secara luaran, Kak Ros digambarkan sebagai seorang kakak yang garang dan beremosi tetapi beliau sebenarnya seorang kakak yang penyayang dan lemah lembut. Walau bagaimanapun, beliau gemar mengusik adik-adiknya. Manakala, Opah yang turut dikenali sebagai Mak Uda merupakan nenek Upin, Ipin dan Ros. Beliau adalah penjaga kepada adik-beradik ini dan merupakan seorang yang sangat baik hati. Sesuai dengan kedudukannya sebagai nenek, beliau juga sering memanjakan Upin dan Ipin. Beliau digambarkan sebagai seorang yang bijaksana dan mempunyai pengetahuan duniawi dan keagamaan. Cikgu Jasmin adalah guru kelas Upin dan Ipin di Tadika Mesra. Beliau memainkan peranan sebagai seorang guru yang mempunyai pengetahuan luas, guru yang berdedikasi dan mesra pelajar. Semua murid-murid suka dan rapat dengan Cikgu Jasmin. Beliau juga merupakan seorang yang baik tetapi tegas apabila murid-murid melakukan kesalahan. Cikgu Melati merupakan guru baru di Tadika Mesra yang menggantikan Cikgu Jasmin yang menyambung pengajiannya di Kuala Lumpur. Cikgu Melati digambarkan sebagai seorang guru yang berfikiran terbuka dan mesra tetapi tegas dalam menguruskan pelajar. Walau bagaimanapun, ada ketika Cikgu Melati juga digambarkan sebagai agak cemerkap.

### 3.2 Citra wanita Melayu dalam *UPIN DAN IPIN*

Pendekatan feminisme menekankan bahawa setiap wanita adalah individu. Pendekatan ini juga menegaskan bahawa wanita mempunyai ciri-ciri umum seperti biologi dan proses reproduksi. Namun, wanita secara individu mempunyai keistimewaan masing-masing yang boleh membezakan dirinya dengan wanita yang lain. Untuk mengupas citra wanita Melayu, adalah sangat penting untuk memahami kerangka budaya masyarakat Melayu. Ini kerana kehidupan wanita Melayu dibentuk dalam lingkungan norma, adat dan budaya. Mengikut Artikel 160 (2) Perlembagaan Malaysia, individu yang ditakrifkan sebagai Melayu ialah individu yang beragama Islam, mengamalkan adat budaya Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu, dan lahir sebelum hari merdeka sama ada di Persekutuan atau Singapura, atau pada hari merdeka, telah bermastautin di Persekutuan atau Singapura. Perkara ini menerangkan dengan jelas bahawa seseorang daripada ras Melayu adalah bukan Melayu jika tidak menganuti Islam. Maka, dalam pembentukan identiti dan kehidupan masyarakat Melayu, Islam memainkan peranan yang sangat penting. Ini sejajar dengan pendapat Huntington (1997) yang menyatakan bahawa agama mempengaruhi budaya dan seluruh aspek kehidupan termasuk politik, ekonomi dan sosial.

#### 3.2.1 Tubuh Badan dan Biologi Wanita


Sifat biologi dan susuk tubuh badan merupakan salah satu aspek utama dalam pewarnaan citra wanita. Mottier (2008) menyatakan bahawa terdapat perbezaan biologi yang jelas di antara perempuan dengan lelaki dari segi ciri-ciri personaliti, pakaian dan tubuh badan di samping mempunyai peranan reproduksi. Mottier turut menambah bahawa wanita boleh digambarkan sebagai satu respond kepada keinginan seksual lelaki (alat eksploitasi lelaki) dan wanita juga mempunyai naluri keibuan. Siti Hawa Salleh (2013) memetik puisi Hooykaas (1965) yang menggambarkan rupa paras wanita Melayu:

Rupanya kuning kemerahan  
Bak tebu di dalam ladang  
Bak udang kepalang panggang  
Tak dapat ditentang nyata.  
Rambut keriting gulung tiga  
Telinganya jerat tertahan  
Bulu mata semut beriring  
Hidung bagai dusun tunggal  
Dagunya awan tergantung  
Bibirnya limau seulas  
Keningnya bentuk tajian  
Lidahnyanya bagai mempelam masak  
Betisnya bak perut padi  
Tumit nan bagai telur burung  
Induk kaki bungkal setahil  
Bentuk badan lemah dan lampai  
Penglihatan pelita padam  
Jari halus kuku berinai  
Tampan sudah langgan terbawa  
Bagai dilukis digambarkan

Puisi di atas jelas menggambarkan paras rupa wanita Melayu. Mereka digambarkan sebagai perempuan yang cantik dari hujung rambut hingga ke hujung kaki. Secara amnya, puisi di atas menyatakan bahawa wanita Melayu berkulit kuning kemerahan, berbibir mungil, berjari runcing, berbulu mata lebat dan bertubuh tinggi lampai. Gambaran wanita dalam *Upin dan Ipin* dikonstruksi melalui imej visual sebagai simbol 'non-verbal' melalui watak-watak Opah, Ros, Cikgu Jasmin dan Cikgu Melati

(lihat Gambar 2).

Gambar 1: Wanita Melayu



Visual di atas menggambarkan wajah wanita Melayu seperti yang digambarkan dalam puisi di atas. Kak Ros dipotretkan mempunyai wajah bujur sirih, berkulit kuning kemerahan, berbibir mungil, berjari runcing, berdagu tajam, berkening yang terbentuk, bermata bundar dan bertubuh lemah dan lampai. Pemerian ini dianggap sebagai paras wajah wanita Melayu asli sejajar dengan puisi yang diketengahkan oleh Hooykaas (1965).

Gambar 2: Watak-watak wanita dalam *Upin dan Ipin*



Opah

Kak Ros

Cikgu Jasmin

Cikgu Melati


Guru Besar

Visual di atas menunjukkan bahawa imej wanita-wanita Melayu dikonstruksi melalui bentuk tubuh yang berlandaskan sifat biologi semula jadi wanita. Bagi wanita yang lebih muda seperti Kak Ros, Cikgu Jasmin dan Cikgu Melati, mereka digambarkan mempunyai raut wajah yang jelita serta mempunyai bentuk tubuh yang menarik, tinggi lampai dan kurus. Penampilan ini selari dengan deskripsi wanita seperti yang diuraikan oleh Hooykaas. Bagi watak yang agak berusia seperti Opah dan Guru Besar, bentuk tubuh mereka dipaparkan agak berisi atau gempal dengan wajah yang matang. Selain daripada itu, wanita Melayu juga digambarkan berkulit kuning dan berambut hitam ikal mayang. Rambut pula adakalanya dilepaskan (bagi yang berambut pendek) dan bagi yang berambut panjang, rambut diikat atau disanggul seperti watak Kak Ros. Bagi watak wanita yang berusia, mereka diperikan memakai tudung untuk menutup kepala untuk menggambarkan kematangan mereka. Watak-watak ini memberi gambaran khusus kepada penonton tentang rupa paras wanita Melayu.

### Imej dan Penampilan

Selain daripada itu, berdasarkan visual dan simbol 'non-verbal' di atas juga, *Upin dan Ipin* menghidupkan ciri-ciri watak wanita timur. Wanita-wanita Melayu dikonstruksi menggunakan adat dan budaya untuk membentuk identiti melalui pakaian tradisi masyarakat Melayu, iaitu berbaju kurung atau berbaju kebaya (rujuk Gambar 1). Opah digambarkan dengan imej wanita kampung biasa yang berbaju kurung dan berkain batik. Namun, watak kak Ros juga digambarkan sebagai perempuan remaja moden yang mempunyai keinginan untuk bergaya. Ini jelas apabila beliau mengenakan t-shirt dan seluar (rujuk Gambar 3). Namun, animasi ini memperlihatkan bahawa pakaian sebegini dipakai di dalam rumah.

Gambar 3: Kak Ros



Imej bertudung pula merujuk kepada pegangan agama watak-watak tersebut (rujuk Gambar 2). Jelas di sini watak-watak wanita ini beragama Islam kerana Islam mewajibkan wanita menutup aurat mereka. Secara tidak langsung, imej visual ini boleh mempengaruhi dan membentuk kepercayaan penonton terutama kanak-kanak tentang wanita. Sepanjang tempoh pembesaran, kanak-kanak melalui proses perkembangan fizikal, mental dan emosi dan pada masa yang sama, mereka juga melalui proses pembentukan identiti gender masing-masing. Maka, melalui animasi ini, kanak-kanak didedahkan tentang imej tersedia (*preconceived notion*) berkenaan wanita.

## Cara Hidup


Keluarga adalah dunia kecil bangsa yang menjadi pelindung bagi nilai-nilai Melayu (Hooker, 2003). *Upin dan Ipin* berkisarkan kehidupan masyarakat di kampung di Malaysia. Watak-watak wanita dalam animasi ini tinggal di sebuah kampung yang dinamakan Kampung Durian Runtuh. Mereka tinggal dalam rumah kayu tradisional yang diperbuat daripada papan dengan dekorasi asas. Gambar 4 di bawah dipetik untuk menunjukkan bentuk dan ciri-ciri tipikal kampung dan rumah Melayu tradisional. Visual yang ketiga menunjukkan bentuk bumbung rumah tradisional Melayu yang boleh didapati di kampung-kampung di Malaysia.

Gambar 4: Rumah Melayu tradisional



Visual di atas memperlihatkan bahawa wanita-wanita Melayu tinggal di kampung dan rumah tradisional. Visual ketiga pula menunjukkan Opah sedang duduk bertimpuh di ruang rumah. Cara duduk ini sinonim dengan budaya Melayu. Manakala, visual yang seterusnya memaparkan ruang rumah yang luas tanpa barang-barang mewah menjadikan kehidupan dikampung lebih sederhana. Pengkaji berpendapat bahawa suasana ini bukan untuk menunjukkan bahawa wanita-wanita ini telah disisihkan tetapi lebih kepada membentuk suasana kehidupan timur yang sederhana dan harmoni yang sesuai dengan adat dan budaya Melayu. Tambahan pula, cerita yang berlatar belakangkan desa, iaitu penduduknya masih lagi kuat berpegang kepada adat dan agama mempengaruhi kedudukan wanita dalam masyarakat dan menjadikan moral mereka lebih terkawal.


Gambar 5: Gaya Hidup di Kampung



Selain itu, visual di atas juga memaparkan kehidupan di kampung. Visual pertama menunjukkan watak-watak *Upin dan Ipin* menghadiri kelas Al-Quran di kampungnya. Visual yang ketiga menggambarkan aktiviti-aktiviti wanita kampung seperti bermain congkak dan sebagainya.

Walaupun watak-watak wanita dalam *Upin dan Ipin* merupakan wanita yang tinggal di kampung, tetapi mereka digambarkan tidak ketinggalan dari segi pembangunan teknologi. Gambar 6 di bawah menunjukkan beberapa aktiviti watak-watak utama wanita sedang menggunakan peranti teknologi.

Gambar 6: Wanita dan Gaya Hidup Moden



Visual di atas menunjukkan keupayaan wanita-wanita ini menggunakan peranti teknologi. Visual pertama dan kedua menunjukkan Opah sedang 'selfie' dan membaca surat khabar. Manakala Kak Ros pula boleh menggunakan komputer riba, 'selfie' menggunakan telefon pintar dan menggunakan 'headfone'. Visual kelima menunjukkan Cikgu Melati sedang mengajar anak muridnya tentang komputer mudah alih (*Tablet*) di dalam bilik darjah. Ini menunjukkan bahawa wanita-wanita ini mahir menggunakan peralatan moden dan seiring dengan perkembangan semasa. *Upin dan Ipin* menegaskan bahawa wanita Melayu masih boleh menjadi moden tanpa mengetepikan adat dan budaya timur.

### 3.2.2 Sifat dan Tingkah laku

Watak-watak wanita dalam animasi ini ditonjolkan melalui sifat-sifat tradisional wanita seperti penyabar dan tenang, lemah lembut, sopan santun serta penyayang.

#### Wanita yang Penyabar dan Tenang

Opah digarap dengan imej sebagai wanita tradisi sebagai nenek/penjaga yang mempunyai sifat sabar dan tenang. Dalam menangani kenakalan cucu-cucunya, Opah digambarkan sebagai seorang yang tenang dan boleh mengawal diri dalam mendidik.

Ini dapat dilihat dalam episod *Berkebung* (2009) dan *Upin, Ipin dan Apin* (2009). Dalam episod-episod ini, dapat dilihat dengan jelas sikap sabar dan tenang Opah dalam menangani permasalahan cucu-cucunya yang nakal. Dalam situasi yang lain, Ijat, anak murid Cikgu Jasmin masih tidak boleh membaca. Maka, Cikgu Jasmin berbincang dengan anak muridnya tentang kemahiran membaca:

Cikgu Jasmin : Siapa lagi yang tak pandai membaca?  
Ijat : uh.. uh... (sambil mengangkat tangan)  
Cikgu Jasmin : Tak pa, nanti cikgu ajar Ijat membaca ya, sampai pandai.... duduk...duduk...duduk  
(*Seronoknya Membaca*, 2009)

Dialog di atas menggambarkan kesabaran Cikgu Jasmin dalam mendidik anak-anak muridnya. Beliau juga pandai menenangkan anak muridnya yang sedikit risau dan gusar kerana tidak boleh membaca. Sifat-sifat ini dikaitkan dengan penyabar, iaitu sifat yang dituntut dalam Islam. Islam menggalakkan agar umatnya bersabar dalam menghadapi cabaran kehidupan. Dalam episod *Istimewa Hari Ibu* (2009), sifat Opah yang tenang dan penyayang boleh dilihat semasa beliau menceritakan kepada Upin dan Ipin tentang ibu mereka:

Upin & Ipin : Opah, mak dulu macam mana ya? Ceritalah Opah.  
Opah : Mak kamu baik. Dia suka tolong orang.  
Upin : oooo.. sebab tu lah kitorang suka tolong orang... kan Ipin  
Kak Ros : Ye lah tu...  
Upin & Ipin : Mak garang tak Opah?  
Opah : Tak... mak kamu orang yang lemah lembut, penyayang...  
Upin : Bukan macam orang tu!  
Kak Ros : urgh....  
Ipin : Mak cantik tak?  
Kak Ros : Cantik macam akak  
Opah : Cantik. Ada tahi lalat macam Opah.

Dialog di atas menunjukkan Opah cuba menjawab pertanyaan cucu-cucunya tentang ibu mereka yang telah lama meninggalkan dunia dengan penuh tenang dan sabar. Imej Opah digarap sebagai wanita yang tidak ada cacat cela. Secara tidak langsung, cerita ini cuba menunjukkan bahawa wanita mampu memberi sepenuh perhatian dan kasih sayang yang merupakan kelebihan yang mungkin tidak dimiliki oleh sesetengah lelaki.

### Wanita yang Lemah lembut dan Santun

Budaya Melayu terkenal dengan sikap lemah lembut dan penuh kewanitaan. Sikap lemah lembut ini dipotretkan sebagai orang yang berbudi bahasa. Tambahan pula, sikap lemah lembut ini lazimnya diberi kepada watak wanita kerana sesuai dengan sifat semula jadi mereka dan jika hilang sifat ini, maka hilanglah keindahan dan kesantunan seseorang perempuan itu. Sikap lemah lembut adalah tuntutan sosial yang harus ada dalam diri wanita timur. Watak Opah digarap sebagai seorang wanita yang menyenangkan, penuh kelembutan dalam ketegasan. Sebagai contoh, dalam episod *Iqra'* (2012) Opah menasihati Upin dan Ipin tentang kesihatan dengan lemah lembut dan santun:

Opah : Dah... dah... pergi mandi nanti demam.

Dalam satu situasi yang lain dalam episod yang sama, Opah menasihati Upin dan Ipin tentang adab ketika makan:

Opah : Habiskan ayam dalam mulut tu dulu... nanti baru sambung.

Dalam kedua-dua contoh di atas, Opah menggunakan nada dan bahasa yang baik dalam menasihati cucu-cucunya. Ini jelas menggambarkan sifat-sifat keibuan beliau.

### Wanita Penyayang

*Upin dan Ipin* juga membawa nilai dan keperluan kasih sayang. Sifat penyayang adalah sifat yang harus dimiliki oleh seseorang individu dalam proses sosialisasi dan kehidupan berkeluarga dan bermasyarakat dan setiap kanak-kanak atau remaja mempunyai keinginan untuk menyayangi dan disayangi. Animasi ini memupuk hubungan kekeluargaan yang kukuh. Watak-watak wanita digarap sebagai wanita pengasih dan penyayang. Kasih sayang tidak dizahirkan secara verbal tetapi dipamerkan melalui perbuatan. Siri *Upin dan Ipin* menunjukkan kesetiaan Opah dan Kak Ros dalam menjaga dua kanak-kanak ini. Hubungan kekeluargaan antara nenek dan cucu-cucunya sangat kukuh. Upin dan Ipin mendapat kasih sayang yang tidak berbelah bagi daripada dua orang wanita tersebut. Dalam semua episod, digambarkan hidup kanak-kanak ini tidak pernah terasing dan terabai. Disebabkan sifat perihatin dan penyayang ini jugalah menyebabkan Upin dan Ipin dirundung kesepian dan kerinduan yang amat dalam apabila mereka ditinggalkan Opah kerana menunaikan ibadat umrah dalam episod *Rindu Opah* (2011). Usaha mendidik juga lahir daripada sifat kasih. Maka, demi Upin dan Ipin, Opah dan Kak Ros memastikan kedua-dua kanak-kanak ini menerima didikan yang sebaiknya tentang apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan; mengapa sesuatu itu boleh dilakukan untuk mengembirakan keluarga dan kawan-kawan serta tentang hal-hal sosialisasi dan keagamaan. Inilah simbol kasih sayang yang diterapkan dalam siri animasi ini. Selain itu, mempamerkan kasih sayang melalui perbuatan adalah komunikasi bukan verbal



sesuai dengan sifat-sifat wanita timur.

### 3.3 Pemeraksanaan watak dan imej positif wanita melayu Islam

Secara amnya karya-karya yang berlandaskan pendekatan Feminisme terutama daripada pengarang wanita, mengetengahkan isu emansipasi wanita sebagai individu dan mempunyai hak yang setara dengan kaum lelaki. Perjuangan menuntut hak-hak ini termasuk hak untuk mendapat kebebasan, bersuara, bekerja, mendapat pendidikan, membuat keputusan dan sebagainya (Walters, 2005). Feminisme juga menyatakan bahawa tiada perbezaan intelektual antara lelaki dan perempuan. Namun, pendekatan feminisme boleh dipersoalkan apabila timbulnya feminisme sekular. Walters (2005) mengetengahkan isu '*secular self-assertion*' yang mengajak wanita untuk tidak terlalu tunduk dan patuh dengan sifat kewanitaan (*to act unfeminine way*), iaitu percaya kepada kebolehan masing-masing dan belajar untuk menerima pengaruh sifat lelaki (*unfeminine ambition*) dalam dirinya. Wanita digalakkan untuk menidakkan sifat-sifat kewanitaan kerana ia dianggap sebagai kelemahan atau '*womanly weakness*'. Namun, sejauh mana perspektif ini relevan dan harus dicontohi oleh wanita timur yang berpegang kepada ajaran Islam dan adat? *Upin dan Ipin* tidak menolak bahawa wanita seharusnya diiktiraf sebagai individu yang mempunyai hak dalam kehidupan masing-masing. Namun, hak-hak ini tertakluk kepada landasan agama. Maka, seharusnya watak-watak wanita Melayu diperkasakan berlandaskan ajaran Islam.

#### 3.3.1 Wanita dalam Islam


Dalam sebuah riwayat, Islam telah menerangkan prinsip umum tentang wanita dan kedudukannya iaitu "Sesungguhnya perempuan itu adalah saudara kandung lelaki" (Syeikh Imad Zaki Al Barudi, 2015). Prinsip ini menjelaskan bahawa terdapat persamaan persaudaraan antara kaum lelaki dan wanita. Apa-apa hukum yang dijatuhkan ke atas kaum lelaki, juga ditetapkan sepenuhnya kepada kaum wanita. Pada dasarnya, wanita dan lelaki adalah sama. Allah berfirman yang bermaksud "Dialah yang menciptakan kamu daripada diri yang satu dan daripadanya Dia menciptakan isterinya" (Al- A'raf, ayat 189). Ayat ini memberi penjelasan bahawa wanita dan lelaki diciptakan Allah s.w.t. Dalam satu surah lain yang bermaksud "Dan barangsiapa yang mengerjakan amal-amal soleh, baik lelaki mahupun wanita sedangkan dia seorang yang beriman, maka mereka akan masuk ke dalam syurga dan mereka tidak dianiaya walau sedikitpun" (An-Nisa 124). Dalam surah ini Allah menyebut tentang persamaan wanita dan lelaki dalam menjalankan kewajipan beragama dan ganjaran. Ayat-ayat ini jelas menerangkan wanita diiktiraf sebagai individu dan mempunyai hak dan persamaan disisi Allah.

#### 3.3.2 Peranan wanita

Islam juga telah menggariskan dan memperincikan peranan dan tanggungjawab lelaki dan wanita dalam rumahtangga. Secara ringkasnya, lelaki adalah ketua keluarga dan beliau bertanggungjawab untuk memberi nafkah, perlindungan, perhatian dan kasih sayang kepada isteri dan anak-anak (Ismail Kamus, 1992). Wanita pula diwajibkan untuk mentaati dan patuh suami selagi mana dia tidak menyalahi hukum Islam (Ismail Kamus, 1992). Islam juga tidak mengkehendak peranan wanita di dalam rumah semata-mata. Wanita dibenarkan keluar rumah selagi mereka tidak melanggar batas-batas agama dan menjaga akhlak. Konsep inilah menjadi garis panduan dalam membentuk kedudukan dan peranan lelaki dan wanita dalam masyarakat Islam.

Berbanding novel-novel konvensional yang memaparkan peranan wanita yang tertutup, wanita dalam *Upin dan Ipin* bukan lagi berperanan sebagai pelengkap kaum lelaki tetapi wanita sebagai individu (*women empowerment*). Secara halus, animasi ini menghilangkan watak atau peranan lelaki (*absent father*) sebagai ketua keluarga dalam keluarga Opah. *Upin dan Ipin* mengutarakan pola keluarga asas yang diketuai oleh Opah yang tinggal sendirian bersama tiga orang. Opah tidak dibelenggu oleh lelaki sebagai lambang hierarki politik keluarga. Opah telah mengambil alih peranan dan tanggungjawab ketua keluarga yang lazimnya dipikul oleh seorang ayah atau lelaki. Perubahan kedudukan ini mungkin disebabkan perubahan nasib oleh wanita. Dalam Islam, tanggungjawab menyara keluarga sepatutnya digalas oleh bapa dengan dibantu oleh ibu dan seluruh ahli keluarga. Walau bagaimanapun, di atas sebab-sebab tertentu, Opah terpaksa melalui proses ini sendirian. Opah melakukan kerja-kerja kampung dan bercucuk tanam untuk menyara keluarga (Gambar 7). Ini membuktikan bahawa wanita mampu menjadi hero dalam memperjuangkan nasib diri dan keluarga.

Gambar 7: Opah



Namun, Siti Hajar Che Man (2007) berpendapat bahawa dalam pendekatan feminisme perlu ada mekanisme untuk mengukur peranan wanita yang bukan konvensional ini. Secara amnya, Siti Hajar menggariskan bahawa wanita perlu melakukan sesuatu secara bebas tanpa rasa tertekan, melaksanakan tugas tanpa rasa kecewa, tugas yang tidak terpaksa dan tidak membebankan, keinginannya, jiwa yang tidak terpenjara, jiwa yang tenang dan gembira apabila melakukan apa apa tugas, tidak tercedera, ekspresi wajah yang terpancar dimuka ketika melakukan sesuatu dan rasa hati. Aspek-aspek ini akan menentukan paradigma wanita, mempengaruhi cara dan tingkah laku wanita terbabit di samping dapat memahami jiwa raga wanita. Sekiranya aspek-aspek ini diabaikan maka, penindasan wanita akan berlaku. *Upin dan Ipin* menggambarkan watak Opah sebagai wanita

yang tenang dan tidak tertekan dengan tanggungjawabnya. Tiada satu episod yang memaparkan keluhan Opah tentang kehidupannya. Sebaliknya Opah mengajar cucu-cucunya untuk bersyukur dengan rezeki dan kehidupan mereka seperti yang dipaparkan dalam episod *Nikmat* (2007). Daya tahan wanita ini disebabkan oleh pegangan agama yang kuat dalam diri.

Secara logiknya, anak-anak lelaki memerlukan '*father figure*' untuk dijadikan model. Namun, bagi keluarga Opah, ketiadaan '*father figure*' tidak menjadi masalah besar yang memberi kesan psikologi kepada Upin dan Ipin. Jiwa kanak-kanak ini tidak pernah digambarkan dengan perasaan marah disebabkan ketiadaan ayah. Sebagai ganti, kanak-kanak ini mempunyai hubungan yang sangat rapat dengan Opah dan Kak Ros. Opah sentiasa mendidik cucu-cucunya tentang hal duniawi dan rohani. Contohnya, dalam enam episod musim pertama, Upin dan Ipin diajar agar memahami Islam dan menjalankan tuntutan sebagai orang Islam seperti solat, berpuasa dan sebagainya. Hal ini meningkatkan imej dan kedudukan wanita dan seterusnya menjadi wanita ideal dalam keluarga. Kedudukan Opah sebagai pencari rezeki keluarga secara tidak langsung mengajar Ros untuk berdikari. Ros belajar menguruskan hal ehwal rumah dan adik-adiknya seperti yang dipaparkan dalam episod *Rindu Opah* (2011) sewaktu mereka ditinggalkan Opah selama beberapa minggu untuk menjalankan ibadat umrah.

### 3.3.3 Wanita sebagai Anggota Masyarakat

Pendekatan feminisme menegaskan unsur patriarki dalam masyarakat dalam pewarnaan watak wanita. Menurut Coward (1983), patriarki merujuk kepada penguasaan lelaki terhadap wanita dalam perhubungan kekeluargaan dan secara tidak langsung merujuk kepada penindasan wanita oleh kaum lelaki sama ada secara fizikal atau mental. Walau bagaimanapun, Opah bukanlah mangsa penindasan tetapi wanita yang dihormati dan disayangi oleh cucu-cucunya. Episod *Terompah Opah* (2014) memaparkan kisah Upin dan Ipin yang menggantikan terompah kesayangan opah yang hilang di sungai. Atas dasar kasih sayang, Upin dan Ipin meminta Tok Dalang untuk membuatkan sepasang terompah baru.

Islam juga tidak menolak peranan wanita dalam masyarakat. Sehubungan itu, *Upin dan Ipin* melakarkan hubungan baik manusia dengan manusia yang lain dalam mewujudkan kehidupan bermasyarakat. Selaras dengan tuntutan Islam juga, animasi ini turut mengiktiraf wanita sebagai warga sosial yang boleh menyumbang kepada sosioekonomi dan kehidupan bermasyarakat yang bersatu padu, saling menghormati dan harmoni. Opah, Ros, Cikgu Jasmin dan Cikgu Melati digarap sebagai anggota masyarakat yang mempunyai fungsi dan peranan masing-masing dalam menyumbang kepada pembinaan dan pembangunan keluarga, masyarakat dan negara. Malah, wanita-wanita ini adalah golongan bekerjaya yang tidak ditindas atau secara fizikal ataupun mental oleh mana-mana lelaki. Opah, Ros, Cikgu Jasmin dan Cikgu Melati bebas keluar bekerja dan tidak dikongkong oleh mana-mana lelaki. Cikgu Jasmin dan Cikgu Melati tergolong dalam golongan cerdik pandai yang menggalas tanggungjawab sebagai pendidik kepada anak-anak bangsa. Mereka ini juga merupakan guru yang digemari dan disayangi oleh Upin, Ipin dan kawan-kawannya. Episod *Terima Kasih Cikgu* (2012) memaparkan kisah Upin dan Ipin serta kawan-kawannya yang membuat majlis perpisahan kerana guru kesayangan mereka, Cikgu Jasmin yang akan menyambung pengajian di universiti. Manakala, dalam episod *Terompah Opah* juga, digambarkan seorang murid perempuan bernama Mei Mei memberi ole-ole kepada Cikgu Jasmin sebagai tanda ingatan sekembalinya dia daripada melancong.

Sebagai orang Melayu, watak-watak wanita ini mengamalkan cara hidup tradisi dan semangat kemasyarakatan. Ini ditunjukkan melalui hubungan rapat dengan orang sekampung yang mereka kenali. Opah mempunyai hubungan yang kukuh bersama jiran sekampung seperti Tok Dalang (Atok). *Upin dan Ipin* menentang isu wanita yang saling tolong-menolong dan mengambil berat. Sikap Opah mengambil berat tentang jiran dizahirkan apabila Opah menghantar juadah berbuka puasa kepada jirannya Tok Dalang dalam episod *Kenangan Mengusik Jiwa* (2012). Sikap suka membantu merupakan amalan terpuji dan dituntut dalam kehidupan bermasyarakat dan amalan ini tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Selain itu, sebagai ahli masyarakat, terdapat norma-norma kehidupan yang perlu dipatuhi. Hubungan rapat dan saling menghormati ditunjukkan melalui cara wanita itu berinteraksi dalam episod *Dah Bocor* (2015) yang memaparkan Opah menzahirkan penghargaan beliau kepada Tok Dalang kerana membantunya memperbaiki bumbung yang bocor:

“Terima kasih Alang, dah tak risau lagi kalau hujan lagi malam nanti. Semua dah dibaiki.”

### 3.3.4 Tabah Mengharungi Kehidupan


Golongan feminis menyatakan wanita berwibawa untuk menentukan untung nasib mereka. Feminis menegaskan bahawa wanita bukanlah '*damsel in distress*' (makhluk lemah yang hanya mampu mengalirkan air mata menunggu kedatangan putera raja sebagai penyelamat hidup) seperti yang diwarwarkan oleh pengkarya lelaki dalam cerita romantik klasik tetapi wanita mampu berjuang dalam menentukan masa depan mereka. Ini jelas dipaparkan dalam keseluruhan episod *Upin dan Ipin*. Animasi ini tidak memaparkan sebuah institusi keluarga asas yang ideal dan sempurna yang mengandungi ibu, bapa dan anak-anak. Keluarga ini hanya terdiri daripada seorang nenek dan tiga orang cucu. Apa yang ketara ialah kuasa dan kekuatan wanita dilukis dan diwarnakan melalui keupayaan dan kewibawaan Opah sebagai pencari rezeki tunggal dalam menjaga dan membesarkan tiga orang cucunya. Ini menjadikan Opah seorang wanita yang kental, mampu berdikari, gigih, tabah, tenang dan kuat semangat. Beliau langsung tidak menunjukkan kesan tertekan dengan keadaan tersebut meskipun perlu menyara diri dan cucu-cucunya dengan melakukan kerja-kerja kampung dan bercucuk tanam.

### 3.3.5 Berpengetahuan dan Berfikiran Jauh (*Advanced Thinking*)

'*Let women be fools, you will make them slaves*' adalah pernyataan oleh Bathsua Makin seorang '*governess*' untuk Raja Charles

1 dalam artikelnya yang bertajuk *Essay to Revive the Ancient Education of Gentlewomen in Religion Manners, Arts and Tongues* (Walters, 2005). Pernyataan ini menjelaskan bahawa wanita akan tertindas jika tidak mempunyai ilmu pengetahuan. *Upin dan Ipin* menampilkan ciri wanita yang lebih positif. Jika kebanyakan karya sastera sebelum zaman merdeka menampilkan watak wanita tradisional yang tidak berpelajaran, tidak mampu membaca, tidak rasional dan terlalu bergantung kepada lelaki. *Upin dan Ipin* menyajikan watak yang berbeza. Watak Opah digarap sebagai seorang wanita yang berpengetahuan, yakin dan bijaksana walaupun beliau hanyalah seorang wanita kampung. Sebagai contoh, Opah mempunyai kemahiran membaca dan Opah sering membaca buku dan surat khabar. Melalui sifat ini, *Upin dan Ipin* menunjukkan bahawa wanita perlu mempunyai ilmu pengetahuan dan pemikiran yang jauh ke hadapan kerana merekalah insan yang bertanggungjawab mendidik anak-anak. Selain itu, seperti lelaki, wanita juga diberi hak untuk mendapat pendidikan formal. Kak Ros adalah remaja yang masih bersekolah seperti yang boleh didapati dalam visual di bawah (rujuk Gambar 9). Visual-visual ini menunjukkan Kak Ros lengkap berpakaian seragam sekolah sedang menunjukkan hasil eksperimen sains dan visual kedua pula menunjukkan Kak Ros sedang mengulangkaji pelajaran dan menyiapkan kerja sekolah.

Gambar 9: Kak Ros Bersekolah




Watak Opah tidak digambarkan sebagai perempuan Melayu yang hanya tahu berdandan dan bersolek, bergurindam (menyanyi), bersuka ria, iri hati, hasad dengki, cemburu dan mengumpat seperti yang terdapat dalam novel dan filem Melayu klasik. Opah dan Kak Ros lebih banyak memainkan peranan sebagai pendidik dan penasihat. Dalam episod *Belajar Lagi?*, Opah dan Kak Ros mendidik Upin dan Ipin bersalaman dengan mereka sebelum masuk tidur. Opah juga digambarkan sebagai orang tua yang banyak memberikan nasihat dan didikan moral. Dalam beberapa situasi, Opah menegur dan membetulkan kesalahan Upin dan Ipin berkenaan amalan agama Islam. Sebagai contoh dalam episod *Dugaan Ramadhan* (2013), *Pengalaman Puasa* (2014), dan *Terawih* (2007). Dalam episod *Ikhlas Dari Hati*, Opah sekali lagi memberi didikan nasihat kepada Upin dan Ipin tentang sifat menabung dan membantu orang yang memerlukan. Upin dan Ipin digalakkan untuk membantu Ijat yang terbeban kerana kebakaran. Selain daripada itu, Kak Ros turut memainkan peranan yang sama. Dalam episod *Belajar Lagi?*, Kak Ros menasihati Upin dan Ipin supaya jangan membazir tetapi berjimat cermat. Kak Ros memberitahu kasut Upin dan Ipin masih boleh digunakan lagi walaupun ia sudah sedikit koyak. Dalam episod yang sama juga, Kak Ros menasihati adik-adiknya untuk memastikan segala kelengkapan sekolah disediakan awal sebelum ke sekolah. Dalam episod *Bulan Hantu*, Kak Ros berperanan sebagai penasihat apabila dia meminta Upin dan Ipin untuk menghormati kebudayaan kaum Cina semasa menonton opera Cina. Peristiwa-peristiwa ini jelas menunjukkan kewibawaan watak-watak wanita untuk menasihati orang sekelilingnya dan seterusnya menanamkan nilai-nilai murni.

### 3.3.6 Kuat Pegangan Agama

*Upin dan Ipin* menonjolkan sifat wanita solehah dan berpegang teguh kepada ajaran agama pada watak-wataknya bersesuaian dengan identiti mereka sebagai Melayu Islam. Opah dan Kak Ros merupakan watak yang berpegang kuat kepada ajaran Islam dan digambarkan taat memenuhi tuntutan rukun Islam seperti solat, puasa, zakat, dan haji. Opah dan watak wanita muslim yang lain menjalani ibadah solat, puasa di bulan Ramadhan (*Esok Puasa*, 2007). Opah bersolat terawikh (*Terawih*, 2007), Opah juga pergi menunaikan umrah (*Rindu Opah*, 2011). Opah juga dipamerkan membayar zakat fitrah dalam episod *Zakat Fitrah* (2008).

Wanita-wanita Melayu dalam *Upin dan Ipin* digambarkan melalui keperibadian muslim. Wanita-wanita ini digambarkan bertudung litup, memakai pakaian yang sopan dan menutup aurat ketika keluar rumah seperti yang dipaparkan dalam visual di bawah:

Gambar 10: Wanita Bertudung



Ini menjelaskan bahawa pegangan agama merupakan salah satu aspek yang dianggap penting dalam kehidupan seharian. Maka, ciri-ciri wanita yang diwarwarkan ialah wanita yang patuh dan taat kepada ajaran agama. Dalam episod *Mainan Baru* (2012), Opah diperlihatkan mengungkapkan zikir-zikir lazim seperti 'Alhamdulillah' yang bermaksud 'syukur kepada Allah'. Ungkapan-ungkapan sebegini adalah amalan yang dilakukan oleh seorang muslim untuk mengingati tuhan, mendekatkan diri dengan tuhan serta mensyukuri nikmat yang diberikan.

Oleh kerana wanita-wanita ini mempunyai pegangan agama yang kukuh, maka, penerapan nilai-nilai agama turut ditekankan terhadap watak-watak yang lain. Upin dan Ipin dibesarkan mengikut acuan Islam. Mereka diasuh untuk memahami dan menjalankan ajaran Islam. Dialog di bawah menunjukkan nasihat Opah kepada Upin dan Ipin tentang puasa:

- Opah : Tau tak... bulan puasa kita kena banyakkkan amal ibadat.  
Ros : Haaa... dengar tu...  
Upin & Ipin : Dengar. Amal ibadat tu apa?  
Opah : Sembahyang, mengaji, bersedekah semua tu.  
Ros : Faham?! Makan jer tahu...  
Opah : Ros, bulan puasa bukan hanya menaham lapar dan dahaga. Bercakap banyak, pendengaran, penglihatan semua kena jaga....

(Pengalaman Puasa, 2014):

Nasihat di atas jelas menunjukkan Opah menitikberatkan kefahaman agama cucu-cucunya. Selain daripada itu, terdapat banyak lagi nasihat-nasihat serta didikan tentang agama yang diselitkan dalam siri ini seperti yang digambarkan dalam episod *Nikmat* (2007), *Iqra'* (2012), *Lailatul Qadr* (2008), *Berkat* (2008), *Anak Bulan* (2008) *Hari Raya* (2007).

Menurut Siti Hajar Che Man (2007), wacana politik seks dalam patriarki Melayu/Islam masih belum kukuh. Feminisme adalah salah satu bentuk ideologi yang boleh berubah mengikut masyarakat. Feminisme sekular adalah ciptaan barat yang tidak sesuai digunakan dalam masyarakat yang majoritinya adalah muslim. *Upin dan Ipin* telah memberi kesedaran dan tafsiran baru tentang feminisme iaitu pandangan yang berlandaskan sosiobudaya masyarakat Melayu yang berpegang kepada ajaran Islam. *Upin dan Ipin* tidak cenderung untuk memfokuskan kepada isu hak wanita dalam perkahwinan, hak memilih jodoh, diskriminasi dan ketidakadilan, penderaan dan penindasan terhadap kanak-kanak dan wanita, pendidikan dan pekerjaan. Tetapi *Upin dan Ipin* mengajak wanita untuk menjadi moden tanpa mengetepikan sifat-sifat wanita tradisional. Faktor biologi, sifat-sifat sabar, penyayang, lemah-lembut dan santun bukanlah satu kelemahan kerana kekuatan wanita tidak dinilai daripada sifat lahiriah tetapi dari kekuatan dalaman dan spiritual yang positif dan kukuh. Ditambah pula dengan sifat-sifat seperti tabah, kuat pegangan agama, berilmu, berfikiran jauh inilah yang menjadikan seseorang wanita itu berwibawa. Tambahan pula, nilai-nilai agama ini jugalah yang menghalang sebarang bentuk radikalisme. Ini selaras dengan pernyataan Hooker (Barnard, 2006) bahawa pemimpin Malaysia menggalakkan orang Melayu untuk menuju ke arah modenisasi tanpa mengetepikan agama Islam sebagai sumber nilai moral dan ini akan mendekatkan lagi etnik ini dengan dua etnik terbesar yang lain dari segi penampilan dan etika. Di sini, Islam menjadi satu wadah perubahan positif dan ini juga menjadikan feminisme berlandaskan Islam cukup unik. Bak kata Cixous (1976), 'write yourself. Your body must be heard'. Pernyataan ini mengajak wanita untuk melakarkan nilai dan definisi diri mengikut acuan sendiri. Inilah yang digarap dalam siri *Upin dan Ipin* iaitu mencerminkan watak wanita yang sesuai dengan adat, budaya, dan agama. Pendekatan ini boleh diperluas untuk menjadi tradisi dalam pemerian watak-watak wanita dalam karya sastera kanak-kanak Malaysia. Animasi ini mengajak penonton untuk menjunjung nilai positif supaya hasilnya dapat memenuhi keperluan insan dan mengaktifkan emosi, minda, rohani dan jasmani untuk membentuk insan yang seimbang. Samsinar Rahman (2000) menegaskan bahawa Islam menolak karya-karya yang mengandungi ciri-ciri kesyirikan, perkauman, permusuhan, galakan batil dan mungkar. Sebaliknya Islam menggalakkan karya yang mengandungi mesej yang luhur, yang mengajak kepada kebaikan, kebajikan dan kebenaran sama ada dalam bentuk puisi dan prosa. Islam juga menggalakkan karya-karya yang memberi pendidikan moral, kecintaan sesama makhluk, ingin berbakti, bermasyarakat, bergotong royong dan saling mengasihi sesama insan. Samsinar (2000) turut menambah sastera bukan sahaja untuk mencapai matlamat tauhid dan taqwa tetapi juga untuk meningkatkan nilai insani, memimpin manusia dan menjadi wadah pembentukan umat manusia yang beriman dan berakhlak.

#### 4.0 Kesimpulan

*Upin dan Ipin* boleh menjadi saluran untuk mendidik dan membantu secara halus penonton terutama kanak-kanak untuk mengisi keperluan mereka tentang kehidupan berkeluarga, berkelompok, dan menghormati wanita. Hasil kajian menunjukkan bahawa tiada mekanisme bela diri dalam cerminan citra wanita seperti yang diwarwarkan oleh tokoh feminisme. Animasi *Upin dan Ipin* mencerminkan watak wanita baik, optimis, matang dan positif. Walau bagaimanapun, watak wanita Melayu masih bersifat stereotaip iaitu digarap dengan penuh kesuisilaan, kelembutan, kesabaran, penuh perhatian dan kasih sayang. Namun, animasi *Upin dan Ipin* meletakkan wanita Melayu sebagai wanita moden yang memiliki ciri-ciri ketimuran yang berlandaskan ajaran Islam. Kanak-kanak boleh menonton siri animasi ini untuk memenuhi keperluan hiburan, emosi, rohani dan imaginasi. Maka, *Upin dan Ipin* sesuai dijadikan bahan tontonan semua golongan masyarakat terutama kanak-kanak kerana mampu memberi impak signifikan yang berpanjangan dan berkekalan. Justeru, kajian ini boleh diperkembangkan dan diperincikan untuk meneliti lebih banyak watak, perwatakan, isu dan aspek-aspek lain. Kajian perbandingan juga boleh dijalankan di antara cerita-cerita animasi kanak-kanak yang lain.

#### RUJUKAN

- Ahmad Bayhaki. (2009). Analisis semiotik filem *Upin dan Ipin*. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta. Diakses daripada <http://repository.uinjkt.ac.id/> pada 3 Julai 2015.
- Banard, T. (2006). *Contesting malayness: Malay identity across boundaries*. Singapore: Singapore University Press
- Bandura, A. (1977). *Social learning theory*. United States: New Jersey.
- Boarde, C. & Chevallier, S.M. (2011). *The Second Sex*. (Terj.) Karya asal oleh Simone De Beauvoir. New York: Vintage Books.
- Campbell, C. (2004). *Contrary visions: Women and work in Malay novels written by women*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cohen, K. & Cohen, P. (1976). *The laugh of Medusa*. (Terj.) Karya asal oleh Helen Cixous. *Signs* 4. Hlm 875-893.
- Coward, R. (1983). *Patriarchal Precedents: Sexuality and Social Relations*. London: Routledge and Kegan Paul.

- Deraf pertama dasar industri kreatif siap Jun tahun depan. (Disember, 8 2009). Diakses daripada [http://www.bernama.com pada 3 Julai 2015](http://www.bernama.com/pada3Julai2015).
- Hadijah Rahmat. (2006). *Peranan dan perkembangan sastera kanak-kanak di Malaysia*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hafiz Hassan. (2010). *Aplikasi grafik dalam rancangan animasi: Kajian terhadap rancangan animasi Upin dan Ipin*. Latihan Ilmiah. Universiti Utara Malaysia.
- Haryati Hassan. (2013). *Pengorbanan wanita dalam Kesultanan Melayu Melaka, rela atau terpaksa?* Kertas kerja yang dibentangkan di Persidangan Intelktual Kebangsaan Malaysia 2013.
- Hassan Abdul Mutalib. (2007). From mousedeer to mouse: Malaysian animation at the crossroads. *Inter-Asia Cultural Studies*. 8(2), hlm 288-297.
- Huntington, S.P. (1997). *The thrid wave: Democratisation in the late twentieth century*. New York: University of Oklahoma Press.
- Ismail Kamus. (1993). *Hidup Bertaqwa*. Kuala Lumpur: At Tafkir Enterprise.
- Jamaluddin Ibrahim Mydin, Hamzah Raden Anuar & Mohd Puzhi Usup. (2015) *Tafsir Wanita Dalam Al-Quran*. (terj). Karya asal oleh Syeikh Imad Zaki Al Barudi. Batu Caves: Al Hidayah Publication.
- Maspupah .(2011). Pengaruh tayangan kartun animasi *Upin dan Ipin* di Media Nusantara Citra Televisi terhadap penggunaan kosa kata murid Raudhatul Athfal Al-Bariyyah keramat Jati Jakarta Timur. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta. Diakses daripada <http://repository.uinjkt.ac.id/> pada 3 Julai 2015.
- Md Sidin Md Ishak. (2005). *Perkembangan Sastera Kanak-Kanak di Malaysia*. Shah Alam: Cerdik Publication.
- Millet, K. (1977). *Sexual Politics*. London: Virago
- Moi, T. (2002). *Sexual/ Textual Politics*. Oxon: Routledge.
- Mutolingah.(2011). *Nilai-Nilai Islam dalam Upin dan Ipin*. Tesis Sarjana. Diakses daripada <http://eprints.perpus.iainsalatiga.ac> pada 3 Julai 2015.
- Nur Salawati Mohd Nazir & Hanita Hassan. (2013). The Language Identities of Malaysians as Potrayed in *Upin dan Ipin*. *Jurnal Teknologi*, 65(2). Diakses daripada [www.jurnalteknologi.utm.my](http://www.jurnalteknologi.utm.my) pada 3 Julai 2015.
- Nurul Aina Salleh. (2010). Keberkesanan penyampaian mesej bagi rancangan animasi Upin Ipin di kalangan pelajar program Teknologi Media Universiti Utara Malaysia. Latihan ilmiah. Universiti Utara Malaysia.
- Piaget, J. (1973). *Main Trends in Psychology*. London: George Allen&Unwin
- Rezki Perdani Sawai, Salhah Abdullah, Dini Farhana Baharudin & Noranis Ismail.(2009). *Penerapan nilai-nilai Islam melalui penggunaan media dalam pendidikan*. Kertas kerja yang dibentangkan di Seminar Kebangsaan Media dan Pemikiran Islam (MIST2009) pada 21-22 Julai 2009 di Hotel Equatorial, Bangi Malaysia.
- Rosnah Baharudin. (2000). *Belahan jiwa wanita dalam novel A. Samad Said*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sa'ada Pueri Natasari. (2009). Respon Murid SDI Al-Bayan Larangan Indah Tangerang terhadap video animasi Upin dan Ipin. Tesis Sarjana. Universiti Islam Negeri Syarif Hidayatullah, Jakarta. Diakses daripada <http://repository.uinjkt.ac.id/> pada 3 Julai 2015.
- Samsinar Rahman. (2000). Definisi dan konsep kesusasteraan Islam dalam *Monograf Bahasa, Sastera dan Budaya Melayu: Bahasa Wahana Ilmu*. (hlm.73-99). Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Shahril Anuar Abdul Ghani . (2006). Pengaruh komik dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak dalam *Bicara Media 1*. Bandar Baru Nilai: Penerbit KUIM.
- Shamsudin Jaafar, Zainab Ahmad dan Zaleha Abidin. (2003). *Mencipta Masyarakat baru: Perubahan Sosial Menerusi Novel Melayu*. (Terj.) Karya asal oleh Virginia Hooker. Kuala lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Showalter, E.(1989). *A literature of their own: From Charlotte Bronte to Doris lessing*. London: Virago Press.
- Siti Hajar Che Man. (2007). *Esei-esei kritikan feminis dalam kesusasteraan Melayu*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Siti Hawa Haji Salleh. (2013). Pengaruh citra wanita dalam sastera tradisional terhadap sastera moden. Dalam Hamzah Hamdani(Peny). *Citra dan Visi Sastera Melayu: Esei Sastera Pilihan Dewan Sastera 1990-1999*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mottier, V. (2008). *Sexuality: A very short introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Walters, M. (2005). *Feminism: A very short introduction*. Oxford: Oxford University Press.
- Zaheril Zainuddin. (2006). Pengaruh dan kesan filem ke atas remaja dalam *Bicara Media 1*. Bandar Baru Nilai: Penerbit KUIM.